

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 20.10.2016**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perbandingan pencapaian prestasi antara sekolah menengah jenis kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan dan bagaimanakah prestasi kelulusan kedua-dua jenis sekolah ini boleh dipertingkatkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspirasi sistem Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 menetapkan bahawa setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing tanpa mengira latar belakang dan minat murid. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak melakukan perbandingan pencapaian prestasi antara sekolah menengah jenis kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan.

Sebaliknya sebarang inisiatif yang dijalankan oleh KPM bagi meningkatkan prestasi sekolah menengah adalah berdasarkan prestasi sekolah secara holistik, tidak mengira kategori atau jenis sekolah.

Melalui Program Transformasi Daerah (DTP) dalam Gelombang ke-2 PPPM, sekolah berprestasi rendah diberi sokongan melalui jaringan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), serta bimbingan dan pementoran pengurusan sekolah dan pedagogi daripada pasukan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dan Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+).

Kementerian ingin menegaskan bahawa, tiada perbandingan dilakukan untuk menilai prestasi mengikut jenis sekolah. Keberhasilan murid sesebuah jenis sekolah bukan semata-mata terletak kepada pencapaian baik dalam akademik tetapi juga mencakupi pelbagai kemahiran lain seperti kemahiran berfikir aras tinggi, komunikasi berkesan, kebolehan bekerja secara kumpulan dan lain-lain yang diperlukan oleh pasaran.

RJM09